


22



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 5 /2013

Fail Kami : Bil. (22)dlm.MBI.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya
Ipoh

Tarikh : 11 Jun 2013

Y. Bhg. Datuk Bandar/
Y. Bhg. Dato' Setiausaha Bandaraya/
Timbalan Setiausaha Bandaraya (Pengurusan)/
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

FORMAT KERTAS KERJA BAGI PEROLEHAN YANG MELIBATKAN SEBUTHARGA / TENDER SECARA TERBUKA ATAU SECARA RUNDINGAN TERUS

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa mulai 11 Jun 2013 semua jabatan hendaklah menggunakan format kertas kerja seperti di dalam Arahan Kewangan ini bagi perolehan yang melibatkan sebutharga dan tender.

3. Bagi sebutharga atau tender secara terbuka, pihak jabatan perlu menjelaskan beberapa kriteria penting seperti :

- i. Tujuan / Perihal Projek
- ii. Bajet / Peruntukan (menyatakan kod bajet, peruntukan asal, baki terkini bajet dan anggaran kos projek)
- iii. Latar Belakang Projek / Pengalaman Syarikat / Prestasi Syarikat
- iv. Ulasan Jabatan
- v. Cadangan Jabatan
- vi. Implikasi Kewangan (kos seunit, kuantiti dan jumlah keseluruhan)
- vii. Perakuan Jabatan
- viii. Keputusan

4. Sekiranya sebutharga atau tender adalah secara rundingan terus, pihak jabatan perlu menambah kriteria rundingan terus. Adalah diingatkan kriteria tersebut mestilah mengikut garis panduan permohonan perolehan secara rundingan terus yang dikeluarkan seperti dalam Surat Arahan Perbendaharaan S/K/KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 JLD.12(26) iaitu:

MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUTHARGA

BIL. / /

(No. Fail :)

**CADANGAN MEMBEKAL ALAT TULIS PEJABAT (KERTAS FOTOSTAT
SAIZ A4) UNTUK SETOR BAHAGIAN PENTADBIRAN (SETOR PUSAT)
MAJLIS BANDARAYA IPOH (MBI) BAGI TAHUN 2013.**

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN MAJLIS BANDARAYA IPOH

MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER

TARIKH :
NO. TENDER :
RUJUKAN FAIL :

A. PERIHAL TENDER.

1. Nama Tender :

KONTRAK TAHUNAN BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN JALANRAYA DAN YANG BERKAITAN DENGANYA TERMASUK BAU JALAN DI KAWASAN BANDARAYA IPOH UNTUK TEMPOH 24 BULAN (TAHUN 2012- 2014)

1.1- ZON A

1.2- ZON B

(Rujuk Pada Pelan Pecahan Zon)

2. Taraf Tender : **KELAS D
(BUMIPUTERA)**

3. Nama Projek : - sda -

4. Bil. Tender Yang Diterima :

4.1 - ZON A

= 4 Penender

4.2 - ZON B

= 2 Penender

5. Tarikh Penjadualan Tender : **5.11.2012**

6. Ahli Jawatankuasa Penjadualan Tender :

ZON A,

- i. AHLI MAJLIS – Dato’ Shamsuddin Bin Hj Abd Ghaffar
- ii. PEG. TADBIR- Azahari Effendy Bin Abd Rahim
- iii. PEN. AKAUNTAN – Mohd Zabidi Azizi Bin Abu Kassim
- iv. PEN. AKAUNTAN- Azmi Bin Ibrahim

ZON B

- i. AHLI MAJLIS – Kok Pak Foo
- ii. PEG. TADBIR- Azahari Effendy Bin Abd Rahim
- iii. PEN. AKAUNTAN – Mohd Zabidi Azizi Bin Abu Kassim
- iv. PEN. AKAUNTAN- Azmi Bin Ibrahim

7. Jadual Tender Seperti di **Lampiran A**

Kelas D. Untuk makluman, Jabatan tidak menggunakan sistem satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK) di bawah lesen CIDB kerana semasa tender ini diiklankan pemakaianya masih belum dikuatkuasa.

Setelah menerima penjadualan, Jabatan mengesyorkan agar setiap zon dipecahkan kepada 2 bahagian kerana penyertaan penender dalam setiap zon melebihi 60 penender.

Rasionalnya Jabatan membahagikan kepada 2 zon adalah bagi memberi peluang agar lebih ramai kontraktor yang akan dilantik seterusnya memberi daya saingan yang lebih sihat agar melaksanakan kerja-kerja dengan lebih efisien dan berkualiti, justeru, memberi keselesaan kepada seluruh warga Ipoh amnya.

- (14.3) Penilaian di buat berdasarkan kepada Jumlah Harga berdasarkan Anggaran kuantiti bagi 12 bulan pertama dan 12 bulan berikutnya,

Kuantiti yang digunakan adalah kunatiti anggaran berdasarkan rekod kontrak yang lalu. Kuantiti yang dinyatakan adalah tidak tetap (provisional kuantiti) dan sebagai panduan untuk menilai kadar harga penender tersebut

- (14.4) Terdapat penender yang gagal pada kesempurnaan dokumen kerana tidak mengisi harga pada Bill Of Quantity seterusnya ditolak dan tidak disyorkan iaitu penender :-

- ZON A

Penender = 4/4

D. ULASAN JABATAN.

14. Jabatan : BAHAGIAN JALAN

- (14.1) Penilaian tender disemak dengan menggunakan kuantiti sementara pada kadar harga untuk item kerja-kerja utama yang digunakan dalam melaksanakan kontrak penyelenggaraan jalan. Dari perbandingan kadar kuantiti sementara, maka susunan tahap kedudukan penender diperolehi dan seterusnya disusun semula dengan perisian ‘Cut Off’ yang dibangunkan oleh JKR. Walaubagaimanapun jabatan mempertimbangkan item utama untuk penyelenggaraan jalan iaitu item untuk ‘premix’ **Acw 14** dan **Acw 28** iaitu bahan mentah utama untuk pemasakan dan pembinaan jalan adalah bahan terkawal.

(Rujuk pada lampiran perbandingan harga item utama setiap Zon)

- (14.2) Kriteria-kriteria yang lain yang diambil kira dan diberi pertimbangan adalah seperti dibawah :-
- 14.2.1 – Tiada Mempunyai Bebanan Kerja Semasa.
14.2.2 – Tiada Kesilapan Pengiraan.
14.2.3 - Pengalaman Dengan MBI.
14.2.4 - Pengalaman Dengan Agensi Luar.
14.2.5 - Prestasi Kerja .
14.2.6- Mempunyai kewangan 3% daripada kos projek dan kesempurnaan Kadar harga.
14.2.7- Mempunyai kelengkapan jentera dan bilangan pekerja yang mencukupi.
14.2.8 – penilaian menggunakan susunan cut off untuk mengenal pasti susunan penender berdasarkan kadar harga penender dan kuantiti provisional jabatan. Walaubagaimanapun jabatan tidak mengambil cut off sebagai “base line” tetapi menggunakan “overall mean” yang lebih wajar tetapi di dalam lingkungan **BWM dari 5% sehingga -15%**. Akan tetapi jabatan mengambil pendekatan base line adalah **Overall Mean** dan penilaian di buat ke atas 10 yang memenuhi ciri-ciri diatas. Ini adalah kerana kontrak penyelenggaraan dan bukannya kontrak one off. Tempoh masa kontrak adalah selama 24 bulan iaitu satu tempoh masa yang lama dan kewajaran kadar harga menjadi perkara utama dalam penilaian tender ini.

14.2.9 **Overall Mean** bagi setiap Zon adalah :

- i) ZON A RM 663,365.00 BWM -1.14%
- ii) ZON B RM 675,370.00 BWM – 0.18%

14.2.10 –Kontrak kerja penyelenggaraan ini telah diiklankan mulai 8.10.2012 sehingga 30.10.2012 dan kelayakan kontraktor adalah

-SULIT-

MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER

BIL. / /

(No. Fail :)

**KONTRAK TAHUNAN BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN
JALANRAYA DAN YANG BERKAITAN DENGANYA TERMASUK BAHU
JALAN DI KAWASAN BANDARAYA IPOH UNTUK TEMPOH 24 BULAN
(TAHUN 2012- 2014).**

JABATAN KEJURUTERAAN MAJLIS BANDARAYA IPOH

-SULIT-

ZON A

15. Ringkasan Penilaian Tender :

(a) Kedudukan (1) : **Penender No. 46/63**
Kota Lenggong Enterprise

No. 1 Pra Lenggong,

Pekan Lenggong,

33400 Lenggong

(wajib menyatakan lokasi syarikat)

- (i) Tidak mempunyai pengalaman kerja dengan Majlis berdasarkan rekod dari tahun 2011-2012.
- (ii) Penender lulus pada peringkat penilaian pertama.
- (iii) Penender mempunyai pengalaman dengan agensi luar seperti JKR.
- (iv) Penender mempunyai kewangan 3% daripada kos projek. **(wajib menyatakan kedudukan kewangan syarikat)**
- (v) Penender ini tidak mempunyai kerja semasa.

(b) Kedudukan (2) : **Penender No. 38/63**

Seraya Anggerik Enterprise

No. 37, Jln Merak, Off Jalan Jelapang,

30020 Ipoh, Perak

- (i) Mempunyai pengalaman kerja dengan Majlis berdasarkan rekod dari tahun 2011-2012.
- (ii) Penender lulus pada peringkat penilaian pertama.
- (iii) Penender mempunyai pengalaman dengan agensi luar seperti JKR dan LPPNP
- (iv) Penender mempunyai kewangan 3% daripada kos projek
- (v) Penender ini tidak mempunyai kerja semasa.

B. BAJET / PERUNTUKAN.

8. Peruntukan Jabatan : Peruntukan MARRIS (Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak)
9. Kod Peruntukan : 345678 (Penyelenggaraan Jalan)
10. Jumlah Peruntukan Asal : RM 15,000,000.00
11. Baki Semasa Peruntukan : RM 10,000,000.00
12. Anggaran Jabatan : RM 4,000,000.00

C. LATAR BELAKANG PROJEK.

- 13.0 Kontrak tahunan bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalanraya merupakan kerja-kerja kecil yang akan dilaksanakan untuk membaiki / menaiktaraf jalan dan kerja yang berkaitan termasuk bahu jalan yang mengalami kerosakan.

Kerja- kerja pembaikan di laksanakan dari masa kesemasa berdasarkan aduan yang di terima daripada orang awam dan agensi-agensi lain. Aduan yang kerap di terima adalah berkaitan kerosakan jalan dan jalan berlubang.

Kerja-kerja pembaikan ke atas aduan yang diterima akan dilaksanakan pada kadar segera bagi memberikan perkhidmatan dan keselesaan kepada warga kota ipoh serta keselamatan penduduk Bandaraya Ipoh.

Kawasan zon Ini meliputi :-

Zon A –Khantan, Chemor, Klebang, Chepor, Tawas, Tasek, Meru, Jelapang, Manjoi,Lang, Pari, Silibin.

Zon B – Kepayang, Taman Ipoh, Bercham, Perpaduan, Putra, Tanjung.

- 13.01 Penender yang berjaya bagi projek terdahulu bagi tahun **2008-2012** dan harga premix adalah:-

ZON A = Asas Lima Etika Sdn Bhd
(Acw 14 , 37.5mm Rm 12.50 dan 50mm Rm 16.50

ZON B = Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Berhad
(Acw 14 , 37.5mm Rm 13.00 dan 50mm Rm 16.50

-SULIT-

TEMPOH KONTRAK : 24 Bulan

- i) Kos tawaran yang di kemukakan adalah kompetitif ;

Disyorkan oleh :-

PENGARAH KEJURUTERAAN BANDARAYA

Disahkan oleh :-

TIMBALAN SETIAUSAHA BANDARAYA (TEKNIKAL)

E. KEPUTUSAN

17. Jawatankuasa adalah dipohn untuk mempertimbangkan dan membuat keputusan seperti di Para 16 atau pertimbangan-pertimbangan lain yang difikirkan sewajarnya.



(c) Kedudukan (3) :

Penender No. 5/63
Syarikat Shah Bersatu
125, Persiaran Wirajaya Barat 58,
Taman Rapat Setia Baru,
31350 Ipoh

- (iv) Mempunyai pengalaman kerja dengan Majlis berdasarkan rekod dari tahun 2011-2012.
- (v) Penender lulus pada peringkat penilaian pertama.
- (vi) Penender mempunyai pengalaman dengan agensi luar seperti JKR.
- (iii) Penender mempunyai kewangan 3% daripada kos projek.
- (v) Penender ini tidak mempunyai kerja semasa iaitu Cadagan Menaiktaraf Paip Tuangan Dan Paip Bekalan Air Di Rumah Pangsa Kinta Height Ipoh bermula dari 7/11/2012 sehingga 23/4/2013 dan harga projek bernilai RM 602,079.7

D. PERAKUAN JABATAN

16. Berdasarkan analisa sebutharga, perakuan boleh dibuat kepada 3 penender iaitu :-

BIL PENENDER	KEDUDUKAN PENENDER	PENENDER	AMOUNT (RM)
3/4	1	KOTA LENGGONG ENTERPRISE	1,800,000.00
1/4	2	SERAYA ANGGERIK ENTERPRISE	1,900,000.00
2/4	3	*SYARIKAT SHAH BERSATU	2,200,000.00

*Mempunyai Kerja Semasa.

Berdasarkan kepada maklumat dan ulasan di atas, maka adalah diperakukan Penender : -

DIPERAKUI PENENDER ZON A : KOTA LENGGONG ENTERPRISE) BIL 3 / 4

KEDUDUKAN : ZON A : 1

AMAUN TAWARAN : ZON A : RM 1,800,000.00

D. PERAKUAN JABATAN

16. Berdasarkan analisa sebutharga, perakuan boleh dibuat kepada 2 penender iaitu :-

BIL PENENDER	KEDUDUKAN PENENDER	PENENDER	AMOUNT (RM)
1/2	1	GNM CONSTRUCTION & ENGINEERING	1,800,000.00
2/2	2	MSAS BAKTI	1,900,000.00

Berdasarkan kepada maklumat dan ulasan di atas, maka adalah diperakukan Penender :-

**DIPERAKUI PENENDER ZON B : GNM CONSTRUCTION & ENGINEERINGN
BIL 1 / 2**

KEDUDUKAN : ZON B : 1

AMAUN TAWARAN : ZON B : RM 1,800,000.00

TEMPOH KONTRAK : 24 Bulan

i) Kos tawaran yang di kemukakan adalah kompetitif ;
Disyorkan oleh :-

PENGARAH KEJURUTERAAN BANDARAYA

Disahkan oleh :-

TIMBALAN SETIAUSAHA BANDARAYA (TEKNIKAL)

E. KEPUTUSAN

17. Jawatankuasa adalah dipohon untuk mempertimbangkan dan membuat keputusan seperti di Para 16 atau pertimbangan-pertimbangan lain yang difikirkan sewajarnya.

ZON B

15. Ringkasan Penilaian Tender :

(a) Kedudukan (1) :

Penender No. 64/71
Gnm Construction & Engineering
No.6, Jln Melati 5,
Bandar Baru Seberang Perak,
36800 Kampung Gajah, Perak.

- (i) Tidak mempunyai pengalaman kerja dengan Majlis berdasarkan rekod dari tahun 2011-2012.
- (ii) Penender lulus pada penilaian peringkat pertama.
- (iii) Penender mempunyai pengalaman dengan agensi luar seperti MEOG
- (iv) Penender mempunyai kewangan 3% daripada kos projek
- (v) Penender ini tidak mempunyai kerja semasa.

(b) Kedudukan (2) :

Penender No. 5/71
Msas Bakti
No. 37, Jln Merak, Off Jalan Jelapang,
30020 Ipoh, Perak

- (v) Tidak mempunyai pengalaman kerja dengan Majlis berdasarkan rekod dari tahun 2011-2012.
- (vi) Penender lulus pada penilaian peringkat pertama.
- (vii) Penender mempunyai pengalaman dengan agensi luar seperti JKR
- (viii) Penender mempunyai kewangan 3% daripada kos projek
- (ix) Penender ini tidak mempunyai kerja semasa.

MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUTHARGA BIL.

TARIKH : _____

BIL : _____

RUJUKAN : _____

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas kerja ini disediakan adalah untuk mendapat keputusan pemilihan dari Jawatankuasa bagi cadangan membekal alat tulis pejabat (kertas fotostat saiz A4) untuk setor Bahagian Pentadbiran (setor pusat) Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bagi tempoh 12 bulan.

2.0 PERIHAL SEBUTHARGA

- 2.1 Nama Sebutharga : Cadangan Membekal Alat Tulis Pejabat (Kertas Fotostat Saiz A4) Untuk Setor Bahagian Pentadbiran (Setor Pusat) MBI Bagi Tahun 2013
- 2.2 Taraf Sebutharga : Terbuka
- 2.3 Bilangan Sebutharga : Tiga (3)
- 2.4 Tarikh Penjadualan : 12 / 12 / 2012
- 2.5 Ahli Jawatankuasa Penjadualan :
Pn. Zuraida Bt Abdul Hamid
Pn. Hanita Bt Huzir
- 2.6 Jadual Penuh Sebutharga : Seperti di bawah

Bil	Kedudukan	Nama Syarikat / Kontraktor	Harga (RM)	Tempoh
1/3	3	Jauhar Enterprise	52,200.00	12 bulan
2/3	2	Teguh Enigma Enterprise	51,000.00	12 bulan
3/3	1	Ajensi Riaz	49,800.00	12 bulan

3.0 BAJET / PERUNTUKAN

- | | | | |
|-----|------------------------|---|-----------------------------|
| 3.1 | Peruntukan Jabatan | : | Jabatan Khidmat Pengurusan |
| 3.2 | Kod Peruntukan | : | 271020 (Alat Tulis Pejabat) |
| 3.3 | Jumlah Peruntukan Asal | : | RM 150,000.00 |
| 3.4 | Baki Semasa Peruntukan | : | RM 150,000.00 |
| 3.5 | Anggaran Jabatan | : | RM 57,000.00 |

4.0 LATAR BELAKANG / PRESTASI / PENGALAMAN SYARIKAT

- 4.1 Pembekalan kertas fotostat saiz A4 merupakan antara perolehan yang besar di Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Pembekalan ini adalah untuk keperluan cetakan setiap jabatan di MBI dan Bahagian Pengurusan di Urban Tranformasi Center (UTC). Selain itu, pembekalan ini adalah untuk tempoh 12 bulan iaitu mulai 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013.

5.0 ULASAN JABATAN

- 5.1 Bahagian Pentadbiran telah mengemukakan permohonan untuk mengiklankan panggilan sebutharga untuk Membekal Alat Tulis Pejabat (Kertas Fotostat Saiz A4) Untuk Setor Bahagian Pentadbiran (Setor Pusat) MBI Bagi Tahun 2013 pada 3 Disember 2012 kepada Bahagian Bekalan dan Perolehan.
- 5.2 Anggaran kuantiti yang diperlukan oleh Bahagian Pentadbiran adalah sebanyak 6000 rim. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut akan bertambah dari semasa ke semasa memandangkan keperluan dan permintaan kertas fotostat saiz A4 ini senantiasa berada dalam tahap yang tinggi.
- 5.3 Sebanyak tiga (3) buah syarikat telah menyertai tawaran sebutharga ini. Ketiga-tiga syarikat ini telah mengemukakan maklumat dan dokumen-dokumen yang diperlukan sebagai memenuhi tuntutan spesifikasi.
- 5.4 Berdasarkan tawaran harga yang dikemukakan, didapati bahawa syarikat Ajensi Riaz menawarkan tawaran harga terendah iaitu RM 49,800.00, diikuti syarikat Teguh Enigma Enterprise iaitu RM 51,000.00. Seterusnya, syarikat Jauhar Enterprise iaitu dengan tawaran harga RM 52,200.00.

5.5 Tawaran harga yang dikemukakan oleh ketiga-tiga syarikat ini adalah berdasarkan pembekalan bagi tempoh 12 bulan (1 tahun).

5.6 Ringkasan penilaian sebutharga :

(a) Kedudukan (1) :

Penender No. 3/3

Ajensi Riaz

No.110 Pra Lenggong,

Pekan Lenggong,

33400 Lenggong.

(wajib menyatakan lokasi syarikat)

- (i) Tidak mempunyai pengalaman kerja dengan Majlis Bandaraya Ipoh berdasarkan rekod dari tahun 2012-2013.
- (ii) Penender mempunyai pengalaman dengan agensi luar seperti MARA.
- (iii) Penender mempunyai kewangan 3% daripada kos membekal.
(wajib menyatakan keupayaan kewangan syarikat)
- (iv) Penender ini tidak mempunyai kerja semasa.

(b) Kedudukan (2) :

Penender No. 2/3

Teguh Enigma Enterprise

No. 325, Jln Merak, Off Jalan Jelapang,

30020 Ipoh, Perak.

- (i) Mempunyai pengalaman kerja dengan Majlis Bandaraya Ipoh berdasarkan rekod dari tahun 2012-2013.
- (ii) Penender mempunyai pengalaman dengan agensi luar seperti PKNPk.
- (iii) Penender mempunyai kewangan 3% daripada kos membekal.
- (iv) Penender ini tidak mempunyai kerja semasa.

(c) Kedudukan (3) :

Penender No. 1/3

Jauhar Enterprise

No. 501, Persiaran Wirajaya Barat 90,

Taman Rapat Setia Baru,

31350 Ipoh.

- (i) Mempunyai pengalaman kerja dengan Majlis Bandaraya Ipoh berdasarkan rekod dari tahun 2012-2013.
- (ii) Penender tidak mempunyai pengalaman dengan agensi luar.
- (iii) Penender mempunyai kewangan 3% daripada kos membekal.
- (iv) Penender ini mempunyai kerja semasa.

6.0 CADANGAN JABATAN

6.1 Bahagian Pentadbiran mencadangkan supaya melantik **Ajensi Riaz** berdasarkan ringkasan penilaian sebutharga di para 5.6 dan keupayaan syarikat untuk membekalkan kertas fotostat saiz A4 yang berkualiti kepada pihak Majlis mengikut keperluan dengan kadar segera. Tawaran kontrak ini adalah selama 12 bulan iaitu mulai **1 Januari 2013** sehingga **31 Disember 2013**.

7.0 IMPLIKASI KEWANGAN

Bil.	Perkara	Kos seunit (RM)	Kuantiti (Rim)	Anggaran Jumlah (RM)
1.	Kertas Fotostat Saiz A4 (setor pusat)	RM 9.50	5000	RM 47,500.00
2.	Kertas Fotostat Saiz A4 (UTC)	RM 9.50	1000	RM 9,500.00
Anggaran Jumlah Keseluruhan				RM 57,000.00


8.0 PERAKUAN JABATAN

8.1 Jabatan Khidmat Pengurusan memperakukan **Ajensi Rias** dilantik bagi kerja-kerja Membekal Alat Tulis Pejabat (Kertas Fotostat Saiz A4) Untuk Setor Bahagian Pentadbiran (Setor Pusat) MBI bagi tahun 2013 iaitu

dalam tempoh 12 bulan mulai **1 Januari 2013** sehingga **31 Disember 2013**.

9.0 KEPUTUSAN

- 9.1 Jawatankuasa adalah dipohon untuk mempertimbangkan dan membuat keputusan seperti di Para 8.1 atau pertimbangan-pertimbangan lain yang difikirkan sewajarnya.



-SULIT-

MESYUARAT JAWATANKUASA RUNDINGAN TERUS

BIL. / /

(No. Fail :)

**MEMOHON KELULUSAN UNTUK MELANJUT KONTRAK SYARIKAT
BHR SYSTEMS SDN BHD UNTUK PENYELENGGARAN
SISTEM APLIKASI (SPBT) ATAU PBT-ONLINE,
MAJLIS BANDARAYA IPOH.**

JABATAN KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA IPOH

-SULIT-